



TEKS UCAPAN

**YB DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
MERANGKAP Pengerusi Yayasan Kebajikan Negara**

SEMPENA

PROGRAM YKN KASIH RAMADAN: HER JOURNEY

LOKASI/ TARIKH/ MASA

HOTEL IDEAS KUALA LUMPUR | 24 FEBRUARI 2026 | 6.00 PETANG

Dikemas kini pada 23 Februari 2026

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI,

Salam RAMADAN KAREEM

SALUTASI

(Disediakan)

1. Alhamdulillah Rabbil 'Alamin, segala puji dan syukur kita panjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan rahmat-Nya, kita diberi kesempatan untuk bersama-sama berhimpun dalam Program YKN Kasih Ramadan: *HER Journey* pada hari ini dalam suasana Ramadan yang penuh keberkatan.

2. Pertamanya, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yayasan Kebajikan Negara, rakan strategik, para penaja, serta semua pihak yang telah menjayakan program ini. Semoga Ramadan ini menjadi ruang untuk kita memperbaiki diri, menguatkan jiwa, dan mengeratkan hubungan sesama manusia.

Puan-puan dan tuan-tuan,

3. Dalam kita menikmati Ramadan bersama keluarga, kita juga perlu sedar bahawa terdapat remaja perempuan yang sedang melalui fasa kehidupan yang mencabar. Mereka berada dalam tempoh penting pembentukan jati diri, yang memerlukan sokongan, keyakinan, dan kestabilan emosi. Mereka memerlukan bimbingan dan peluang untuk membina semula kekuatan diri serta melangkah ke hadapan dengan lebih yakin.

4. Atas kesadaran ini, Program YKN Kasih Ramadan: HER Journey diwujudkan sebagai satu platform intervensi yang menyeluruh dan berfokus. Program ini memberi ruang kepada para peserta untuk mengenali diri, membina keyakinan, dan menguatkan semangat mereka.

5. Sepanjang program ini, para peserta akan dibimbing melalui pengisian rohani, sokongan emosi, sesi kaunseling oleh kaunselor berpengalaman, serta pendedahan kepada ilmu perlindungan diri. Usaha ini penting untuk memastikan mereka mempunyai kekuatan dan pengetahuan bagi melindungi diri serta membina masa depan yang lebih baik.

Hadirin sekalian,

6. Program ini selaras dengan nilai teras Kementerian iaitu K.A.S.I.H — Kasih sayang, Akhlak mulia, Sihat, Ilmu, dan Harmoni. Kasih sayang diterjemahkan melalui keprihatinan terhadap mereka yang memerlukan sokongan. Akhlak mulia dipupuk melalui pembinaan sahsiah dan pengisian rohani. Sihat merangkumi kesejahteraan mental, emosi, dan spiritual. Ilmu diperkasa melalui kesedaran dan pendidikan perlindungan diri. Harmoni pula dibina melalui sokongan rakan sebaya dan persekitaran yang positif.

7. Usaha ini dilaksanakan melalui kerjasama antara kerajaan, agensi, sektor swasta, badan bukan kerajaan, dan masyarakat, kerana melindungi dan memperkasa golongan rentan adalah tanggungjawab bersama.

8. Kepada anak-anak yang saya kasihi, ingatlah bahawa setiap daripada kamu mempunyai nilai dan potensi untuk berjaya. Masa lalu tidak menentukan masa depan kamu. Gunakan peluang ini untuk membina keyakinan diri, mempercayai kebolehan diri, dan melangkah ke hadapan dengan semangat yang baru.

9. Saya berharap program ini akan menjadi titik permulaan kepada perubahan positif dalam kehidupan para peserta, dan seterusnya membantu melahirkan generasi wanita yang kuat, berdaya tahan, dan berintegriti.

10. Akhir kata, saya merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang telah menjayakan program ini. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan ini merasmikan Program YKN Kasih Ramadan: HER Journey.

Sekian, wabillahi taufik wal hidayah.

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

YB DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
24 FEBRUARI 2026